

23 JANUARI 2018

**Polis rampas syabu RM6.3j**

BH Selasa, 23 Januari 2018 ••

Ms.17

**Fakta nombor****2 LELAKI**  
warga tempatan ditahan**3 AKAUN**  
bank milik suspek dibeku

# Polis rampas syabu RM6.3j

● Stok dadah 90kg baru tiba dipercayai untuk pasaran tempatan

Oleh Siti Sofia Md Nasir  
siti.sofia@bh.com.my

► Georgetown

Polis menahan dua lelaki tempatan dan merampas dadah dipercayai jenis syabu seberat 90 kilogram (kg) bernilai RM6.3 juta.

Tangkapan dan rampasan di-

buat Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Pulau Pinang, menerusi dua serbuan di Bukit Mertajam dan Georgetown, pada Jumaat dan Sabtu lalu.

Difahamkan, stok dadah seberat 90kg itu dipercaya baru tiba di sebuah rumah di Bukit Mertajam dan belum sempat dibungkus untuk diedarkan.

Pengarah Jabatan Siasatan Je-

nayah Narkotik Bukit Aman, Datuk Seri Mohamad Salleh, berkata serbuan pertama dibuat di Bukit Mertajam dan pihaknya menahan seorang lagi lelaki tempatan berumur 41 tahun dalam sebuah kereta di Pulau Tikus, di sini. Kedua-dua mereka adalah rakan kongsi, katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Kontinjen (IPK) Pulau Pinang di sini, semalam.

**Belum sempat dibungkus**  
"Dadah disyaki jenis syabu seberat 90kg dijumpai di sebuah rumah di Bukit Mertajam dan ia masih belum sempat dibungkus untuk di-

jual, dipercayai bagi pasaran tempatan.

"Susulan rampasan dan tangkapan pertama itu, kita menahan seorang lagi lelaki tempatan berumur 41 tahun dalam sebuah kereta di Pulau Tikus, di sini. Kedua-dua mereka adalah rakan kongsi," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Kontinjen (IPK) Pulau Pinang di sini, semalam.

Mohamad berkata, polis turut menyita wang tunai RM3,150 dan dua kereta milik suspek iaitu Honda Accord dan Honda City.

"Kita turut membekukan tiga akaun bank milik suspek yang mempunyai wang RM500,000.

"Kedua-dua suspek direman enam hari bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952," katanya.



Sebahagian rampasan syabu bernilai RM6.3 juta pada sidang media di IPK Pulau Pinang, semalam.

[FOTO MIKAIL ONG/BH]